

D256

U B070 DEB
MAHATHIR - PAS

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI DENGAN TERBENTUKNYA BARISAN PEMBANGKANG, HARAKAH KEADILAN RAKYAT (HAK), YANG DITERAJUI OLEH PAS TERBUKTI BAHAWA PARTI ITU KINI MENERIMA HAKIKAT BAHAWA IA TERPAKSA BEKERJASAMA DENGAN PARA PEMIMPIN DAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM.

+JADI JIKA DAHULU PAS MENUDUH ORANG-ORANG UMNO YANG BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM ITU KAFIR SEKARANG PAS HARUS TANYAKAN DIRINYA SENDIRI MENGENAI PERKARA ITU,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PELANCARAN PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH DI DUSUN NANDING, HULU LANGAT DEKAT SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA DAHULU SEMASA UMNO BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM PARA PEMIMPIN PARTI ITU MENUDUH ORANG-ORANG UMNO KAFIR. BELIAU MENYIFATKAN PENUBUHAN HAK ITU SEBAGAI SATU USAHA MEMANCING UNDI DALAM PILIHAN RAYA UMUM YANG AKAN MENJELANG.

BELIAU BERKATA KERJASAMA (BARISAN PEMBANGKANG) ITU TIDAK JUJUR. SEMENTARA KERJASAMA DALAM BARISAN NASIONAL (BN) TELAH DIMULAKAN SEJAK DULU LAGI DAN TIDAK HANYA DI SAAT-SAAT MENJELANG PILIHAN RAYA, KATANYA. - LAGI
1635MST 13 07 86

D261

U B073 DEB
MAHATHIR - PAS 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PELUANG HAK UNTUK MENANG DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, BELIAU BERKATA IA TIDAK ADA HARAPAN SAMBIL MENEGASKAN +NO WAY+.

PERDANA MENTERI BERKATA APABILA DI KELANTAN, PEMIMPIN PAS BERKATA MEREKA TIDAK BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM.

BELIAU MENEGASKAN INI TIDAK ADA TUJUAN LAIN, HANYA UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN ANTI-CINA UNTUK PAS MENANG DI KELANTAN DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

TETAPI DI NEGERI-NEGERI PANTAI BARAT MEREKA BERCAKAP FASAL BEKERJASAMA DENGAN BUKAN ISLAM SEPERTI YANG WUJUD DALAM MAJLIS PERUNDINGAN CINA (CCC), DAN DENGAN PARTI SEPAKAT DEMOKRATIK (SDP) DAN LAIN-LAIN.

MENGENAI MESYUARAT BIRO POLITK UMNO, BELIAU BERKATA, BIRO ITU AKAN BERMESYUARAT SAMA ADA PILIHAN RAYA DIADAKAN ATAU TIDAK.

BELIAU MENEGASKAN, BILA SAMPAI MASANYA BIRO ITU AKAN BERMESYUARAT. - BERNAMA.
1703MST 13 07 86